

## Early Autobiographical Writing in The History of Islamic Literature

*Penulisan Awal Autobiografi Dalam Sejarah Persuratan Islam*

Ahmad Marzuk Shaary<sup>1</sup>

Ahmad Faisal bin Abdul Hamid<sup>2</sup>

### *Abstract*

*Autobiographical writing is a historical literary writing that reveals the author's views on himself, man and the environment around his life. This article reviews the development of autobiographical writing in Islamic history, also reviews five autobiographical writings written by several Islamic scholars and philosophers to describe the form and approach used by them. It can be concluded that, autobiographical writing in Islam is not a complete imitation of an external civilization encompassing concepts and forms. On the other hand, Islamic autobiography has its own characteristics and approaches apart from developing various forms of writing.*

**Keyword:** *Autobiographical writing, History of Islamic Literature, Form of Islamic Literature*

### **Pendahuluan**

Pengabdian terhadap pencapaian hidup sudah lama dicatat oleh manusia dalam pelbagai bentuk. Pada peringkat awalnya mereka melakar atau memahat catatan hidup mereka di dinding gua atau tempat suci agar semua itu tidak dilupakan dan ditelan perubahan zaman. Dengan bantuan ahli arkeologi, kini kita telah menemui catatan mereka dan dapat memahami apa yang telah mereka lalui setelah berlalu ribuan dan jutaan tahun.

Jika kita tidak menjadikan riwayat syair di zaman Arab sebelum Islam sebagai sumber kewujudan autobiografi Islam, pastinya permulaan penulisan autobiografi dalam sejarah persuratan Islam bermula di zaman perkembangan penulisan dalam Islam. Setelah umat Islam mengenali alatan menulis dan mereka mula aktif dalam penulisan, maka penulisan autobiografi mula berkembang dengan perkembangan penulisan sirah Nabawi, sirah para ulama dan pemimpin, penulisan al-Tarajim ulama dan para perawi hadith.<sup>3</sup>

Pastinya dengan perkembangan pesat penulisan dalam sejarah persuratan Islam menjadikan penulisan autobiografi juga ikut berkembang, dan selain itu

<sup>1</sup> Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email:

<sup>22</sup> Pensyarah Kanan dan juga penyelia calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Al-Sadqi al-Imari. 1997. "al-Tarajim wa al-Sitar al-Zatiyyah fi al-Turath al-Arabi al-Islami". Majalah Thurat al-Arabi. Kaherah: Jamiah al-Kaherah. h. 107.

perkembangannya juga didorong oleh sikap bangsa Arab yang amat berbangga dengan pencapaian diri mereka, keluarga dan keturunan yang sering didapati dalam penulisan al-Ansab serta dorongan daripada al-Quran yang banyak menyatakan sifat baik dan bakti para nabi dan rasul sepanjang hidup mereka.<sup>4</sup>

Walaupun begitu, perkembangan penulisan autobiografi dalam sejarah persuratan Islam agak terkemudian berbanding dengan penulisan biografi dalam kedua-dua bentuknya iaitu al-Sirah dan al-Tarajim. Sebahagian daripada para sejarawan Islam menyatakan bahawa pemulaan awal penulisan autobiografi dalam Islam didorong oleh pengaruh Parsi dan Rom, sama ada melalui penterjemahan atau penulis-penulis berbangsa Parsi dan Rom yang menjadi para penterjemah atau penyalin serta tukang catat (al-Katib) di negara Islam ketika itu.<sup>5</sup>

Dengan sikap keterbukaan yang meluas diamalkan oleh umat Islam serta pemerintah menjadikan pengaruh budaya asing khususnya Parsi dan Rom begitu besar dalam pembentukan bentuk dan budaya sastera dalam kalangan masyarakat Islam. Karya-karya yang dihasilkan oleh ilmuan dan sasterawan bukan Arab dalam kalangan umat Islam sendiri juga memainkan peranan perkembangan penulisan autobiografi. Dr Husna, menyatakan genre penulisan autobiografi dalam sejarah persuratan Islam berasal daripada pengaruh budaya bukan Arab setelah berlaku kemasukan orang bukan Arab ke negara Islam. Tidak dapat dinafikan wujudnya pengaruh luar yang mengembangkan penulisan autobiografi dalam Islam, namun beberapa elemen utama yang sedia ada dalam masyarakat Islam juga tidak seharusnya dinafikan.

Antara elemen yang mempengaruhi perkembangan itu dari dalam masyarakat Islam sendiri ialah (1) terdapat begitu banyak penulis autografi yang ditulis oleh ulama Islam dalam bentuk dan pendekatan yang tersendiri, (2) keupayaan umat Islam mengembangkan genre penulisan biografi yang tersendiri serta perkembangan genre lain dalam persuratan Islam. Muhammad Ghani menyatakan “kelahiran sastera sesuatu bangsa bermula daripada dorongan dalaman bangsa itu sendiri ... setelah ianya lahir dan mula berkembang khususnya dalam bentuk sentuhan gaya dan seni, ianya sering mendapat pengaruh dari sastera asing”.<sup>6</sup>

Antara sebab yang mendorong sesetengah sejarawan Islam menyatakan bahawa elemen asing yang menjadi penyebab kepada kelahiran penulisan autografi adalah kerana kurangnya penulisan bentuk ini di abad pertama dan kedua Islam. Pada hemat saya, di zaman awal Islam, para ulama lebih menumpukan penulisan mereka kepada hal-hal yang bersangkutan dengan agama secara langsung seperti sirah Nabawi dan juga biografi perawi hadith. Pastinya tumpuan kepada dua perkara utama itu menjadikan mereka tidak menulis atau melihat penting penulisan autografi. Selain itu, mungkin

<sup>4</sup> Muhammad Abd al-Ghani Hassan. 1969. *al-Tarajim Wa al-Siyar*, Misr: Dar al-Maarif. h.11.

<sup>5</sup> Nabilah Abd al-Munim Daud. 2011. “Fan al-Tarajim fi Tarikh al-Arabi al-Islami”. *Majallah al-Turath al-Ilmi al-Arabi*. Markaz Ihya al-Turath al-Ilmi al-Arabi, Jamiah Baghdad. Bil. 4. 5.

<sup>6</sup> Muhammad Ghani Hilal. (1995) “Daur al-Adab al-Muqrin fi Taujih Dirasah al-Adab al-'Arabi al-Muasir”. Kaherah: Dar Nahdah Misr. h.44.

juga budaya penulisan mengenai diri sendiri itu tidak begitu perlu dan dianggap sebagai ‘riya’ (menunjuk-nunjuk dan menonjolkan diri sendiri) yang dilarang dalam Islam.

Tidak dapat dinafikan perkembangan penulisan biografi dalam semua bentuknya (1) al-Sirah, (2) al-Tarajim, (3) al-Manaqib dan (4) al-Tabaqat lebih luas dan banyak berbanding penulisan autobiografi. Tidak dapat dinafikan juga karya autobiografi Gelenius (215 SM) yang telah diterjemah ke dalam bahasa Arab oleh Hunain Ibn Ishak menjadi antara tulisan autobiografi awal yang dikenali oleh penulis Islam. Antara mereka yang menerima pengaruh karya Gelenius itu ialah Hunain Ibn Ishak sendiri, Muhammad Ibn Zakaria al-Razi dan juga Ibn Haitham dalam penulisan autobiografi mereka.<sup>7</sup>

Dalam perkembangan seterusnya, didapati himpunan karya autobiografi dalam Islam mempunyai ciri, bentuk dan pendekatan yang unik sehingga menjadikan penulisan genre sastera sejarah Islam ini membawa watak islamik dan tersendiri. Para penulis sering mengaitkan penulisan mereka dengan agama Islam sama seperti penulisan dalam bidang lain, selain itu mereka juga mempunyai tujuan peribadi seperti mempertahankan diri daripada tuduhan atau menyatakan pandangan diri terhadap sesuatu. Bolehlah disimpulkan bahawa permulaan kelahiran penulisan biografi bermula sejak abad pertama lagi, manakala kelahiran penulisan autobiografi agak terlewat sekitar penghujung abad kelima hijrah. Dengan jarak beza waktu yang begitu jauh menyebabkan para pengkaji mempunyai telaah dan pandangan yang berbeza mengenainya seperti yang disentuh dalam perbincangan di atas.

Al-Sidqi dalam tulisannya menggambarkan bahawa penulisan autobiografi dalam persuratan sejarah Islam dapat dikelompokkan dalam pelbagai kelompok, antaranya (1) tujuan penulisan, (2) retorik penulisan sama ada akademik atau sastera, (3) pengalaman sepanjang hidup atau dalam peristiwa tertentu, (4) pendirian penulis dalam isu atau peristiwa tertentu dan sebagainya.<sup>8</sup> Adakala penulis autobiografi menulis cerita hidup mereka menggunakan retorik cerita atau bercerita dan adakalanya mereka menulis dalam bentuk laporan mengenai sesuatu peristiwa. Pastinya, penggunaan bahasa yang mudah dan syair serta dialog adalah pendekatan yang digunakan oleh hampir semua penulis autobiografi dalam Islam.

Jika disenaraikan para penulis autobiografi, kebanyakan mereka terdiri daripada kalangan ahli falsafah Islam, para doktor, ahli matematik, ahli tasawuf dan juga ahli politik Islam dalam kalangan para menteri, penjawat awam dan kepimpinan utama tentera. Mereka adalah di antara individu yang menghadapi tohmahan dan juga salah faham masyarakat terhadap pendirian serta tindakan mereka. Oleh itu, penulisan autobiografi dijadikan sebagai wadah untuk mereka membersihkan diri mereka dengan menjelaskan sebab tindakan atau apakah sebenarnya berlaku terhadap mereka. Terdapat juga dalam kalangan para ulama dalam bidang lain yang menulis autobiografi

---

<sup>7</sup> Penulisan autobiografi oleh tokoh ulama Islam tersebut boleh di baca dalam karya Ibn Abi Asibaah berjudul *Uyun al-Anba*.

<sup>8</sup> Al-Sadqi al-Imari. 1997. op.cit. h.109.

mereka, namun tujuan penulisan mereka lebih kepada memperkenalkan diri dan membina wibawa dalam kalangan masyarakat.

### **Autobiografi Ahli Falsafah dan ilmuan Islam.**

Ahli falsafah dan sasterawan Islam lebih awal menulis autobiografi berbanding para ulama Islam lain khususnya ulama hadith. Ianya mungkin kerana mereka lebih awal terdedah kepada pengaruh sastera asing terutama Greek dan Parsi. Akan disenaraikan terlebih dahulu beberapa nama ahli falsafah Islam yang menulis autobiografi dan diikuti dengan ahli sastera Islam dan akhirnya senarai ulama Islam yang lain.

Antara ahli falsafah Islam yang pernah menulis autobiografi ialah (1) Hunain Ibn Ishak (194-260 H), (2) Muhammad Ibn Zakaria al-Razi (250-312 H), (3) Muhammad Ibn Hassan Ibn al-Haitham (354-430 H), (4) Hasain Ibn Abdullah Ibn Sina (370-428 H), (5) Abu Hassan Ali Ibn Riduan (453 H), dan (6) Abu Muhammad Abd Latif Ibn Yusof al-Baghdadi (557-629 H).<sup>9</sup>

Manakala antara ahli sastera dan ulama Islam yang dikenalpasti telah menulis autobiografi mereka ialah; (1) Ali Ibn Zaid, Imam al-Baihaqi (499-565 H),<sup>10</sup> (2) Muhammad Ibn Safiuddin, Imaduddin al-Asbahani (519-597 H), (3) Abdul Rahman Ibn Ismail, Abu Syamah al-Maqdasi (599-665 H), (4) Ali Ibn Musa Ibn Muhammad, Ibn Said al-Maghribi (610-685 H), (5) Muhammad Ibn Abdullah Ibn Said Ibn al-Khatib (713-776 H), (6) Muhammad Ibn Muhammad al-Jazari (751-833 H), (7) Muhammad Ibn Abdul Rahman al-Shakhawi (831-902), (8) Jalaluddin Ibn Abdul Rahman al-Sayuti (849-911 H).<sup>11</sup>

Nama-nama di atas adalah sebahagian daripada nama penulis autobiografi dalam kalangan ahli falsafah Islam, sasterawan serta ulama Islam dalam bidang agama. Untuk mendapat gambaran ringkas mengenai penulisan mereka, akan dibincangkan berikutnya beberapa ringkasan daripada autobiografi mereka. Hanya lima daripada tulisan mereka itu dipilih, antaranya ialah (1) Hunain Ibn ishak, (2) Imam al-Razi, (3) Ibn Sina, (4) al-Baihaqi dan (5) Imam al-Sayuti.

### **Ringkasan Autobiografi Terpilih**

Penulisan autobiografi oleh Hunain Ibn Ishak didorong oleh usaha untuk mempertahankan dirinya daripada serangan musuh peribadi beliau yang menuduh pelbagai tohmahan yang tidak berasas. Selain itu, beliau sebagai seorang penterjemah karya Greek dan Yunani menemui beberapa tulisan autobiografi yang dilakukan oleh Gelenius mempunyai sebab yang sama iaitu mempertahankan diri serta pandangan ilmiah yang didokong oleh mereka berdua.

---

<sup>9</sup> Uyun al-Anba'. h. 330.

<sup>10</sup> Yaqut al-Hamawi. (t.t). Mukjam al-Udaba'. Kaherah: Matbaah Dar al-Makmun. Jilid. 13. h. 219.

<sup>11</sup> Jalaluddin al-Sayuti. (t.t). Husn al-Muahadarah fi Akhbar Misr wa al-Kaherah. Kaherah: Matbaah al-Mausuat bi Misr. Jilid.1. h. 155.

Musuh-musuh beliau yang terdiri daripada para menteri dan ilmuan yang hampir dengan khalifah (pemerintah) pada masa itu telah menyebarkan berita yang tidak benar mengenai usaha-usaha penterjemahan beliau dan menimbulkan keraguan terhadap akidah keimanannya. Beliau merasa amat tertekan dengan situasi yang dialami itu, lantas menulis sebuah autobiografi mengenai dirinya, kerja-kerja ilmiah dan terjemahan yang dilakukannya untuk menjelaskan perkara sebenar. Ianya juga merupakan wahana yang digunakan untuk menolak segala tohmahan dan sangkaan liar orang terhadap dirinya.<sup>12</sup>

Demikian juga dengan Imam al-Razi, penulisan autobiografi beliau bertujuan sama dengan penulisan Hunain Ibn Ishak, iaitu ingin mempertahankan diri dan pendirian beliau yang telah disalahfahamkan khususnya cara hidup beliau yang dilihat mewah dan kaya. Dalam pem pertahankan sikap beliau yang dilihat bersama dengan para pembesar dan pemerintah, beliau menyatakan bahawa Pluto telah silap dalam memahami konsep hidup kerana memilih untuk jauh daripada kesenangan dan mengecapi kenikmatan.

Beliau cuba memberi alasan tentang keharusan berdamping dengan para pembesar dan pemerintah kerana pendekatan beliau itu bolehlah diumpamakan sebagai seorang tabib yang memberi rawatan kepada pesakit. Seorang tabib akan mendampingi pesakit dengan memberi nasihat agar pesakit dapat diselamatkan. Demikian jugalah dengan beliau yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang luas mendampingi para pembesar dengan tujuan menasihati mereka dan atas khidmat nasihat itu beliau layak mendapat kedudukan dan mengecapi nikmat kehidupan.<sup>13</sup>

Berbeza pula dengan Ibn Sina, beliau menulis autobiografi dalam bentuk penerangan dan penjelasan mengenai kehidupan beliau. Dalam karya beliau itu, dimuatkan pengajian agama yang dipelajarinya semasa kecil dengan menghafal al-Quran, mempelajari ilmu nahu dan sorof bahasa Arab, syair, matematik, feqh dan falsafah. Daripada tulisan itu memperlihatkan bahawa beliau hidup dalam sebuah keluarga yang kaya dan kehidupannya sejak kecil lagi sehingga dewasa dilingkungi kesenangan.

Dengan kekayaan yang dimiliki oleh ayahnya, beliau bertuah kerana dapat menuntut ilmu daripada guru-guru yang hebat pada zamannya. Disamping semua kemudahan yang disediakan oleh keluarganya, beliau menegaskan bahawa penguasaan ilmu yang beliau perolehi dalam pelbagai bidang khususnya bidang falsafah adalah hasil daripada kecerdikan dan kesungguhan beliau mempelajarinya. Beliau juga tidak lupa menyatakan rasa terima kasih kepada guru-guru beliau yang antara mereka ialah al-Farabi.

Pendekatan dan tujuan yang digunakan oleh para ulama serta sasterawan Islam dalam menulis autobiografi amat berbeza dengan penulisan ahli falsafah Islam. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh dua perkara, (1) keadaan kehidupan serta persepsi masyarakat terhadap mereka berbeza dengan persepsi masyarakat terhadap

<sup>12</sup> Al-Sadqi al-Imari. 1997. op.cit. h.111.

<sup>13</sup> Muhammad Ibn Zakaria al-Razi. (1939). "al-Sirah al-Fadhilah". Rasail Falsafiah. Kaherah: Kuliah al-Adab, Jamiah Fuad al-Awwal. Juz.1. h. 91.

ahli falsafah Islam, (2) pengaruh sumber pembacaan ahli falsafah Islam daripada terjemahan karya-karya Greek dan Yunani yang diantaranya ialah penulisan autobiografi ahli falsafah Yunani iaitu Plato, Socrates dan ramai lagi. Manakala pengaruh seperti itu hampir tiada atau kurang kedapatan pada para ulama Islam.

Sebagai contoh, Imam al-Baihaqi menulis autobiografi adalah dengan tujuan menjelaskan mengenai latarbelakang kehidupan beliau dan juga usaha serta sumbangan beliau terhadap ilmu pengetahuan dan penulisan karya. Beliau juga ada menceritakan mengenai asal beliau dari sebuah pekan bernama Baihaq yang terletak berhampiran dengan Naisabur, Negeri Khurasan. Semasa kecil beliau mempelajari ilmu agama seperti al-Quran, nahu Arab, syair, hadith Nabawi, ilmu kalam dan ilmu lain. Beliau juga mencatat nama-nama kitab yang pernah beliau pelajari daripada guru-guru hebat di zamannya serta menceritakan kisah pengembaraannya dalam menuntut ilmu.

Setelah itu, beliau menceritakan pengalaman beliau menetap di Naisabur mengajar ilmu hadith dan agama di sana. Beliau juga sering pergi ke kota asal kelahiran beliau Baihaq dan juga mengajar di situ. Selain itu, beliau menyenaraikan dalam autobiografinya nama-nama karya yang pernah beliau tulis, kebanyakannya dalam bidang bahasa Arab dan agama.

Selain Imam al-Baihaqi, Imam Sayuti juga menulis autobiografi dalam bentuk dan pendekatan yang senada dengan Imam al-Baihaqi. Beliau menyusun karya autobiografinya dengan dimulai menjelaskan sebab beliau menulis autobiografi adalah kerana mencontohi beberapa ulama sebelumnya seperti Abd Ghafir al-Farisi dalam karyanya berjudul Tarikh Naisabur dan Yakut al-Hamawi dalam karyanya berjudul Mukjam al-Udaba<sup>14</sup> dan ramai lagi dalam kalangan ulama.

Disamping itu, beliau memuji dengan penuh bangga segala usaha penulisan karya dan sumbangan ilmu yang telah dilakukan oleh datuk dan ayahnya seperti yang beliau nyatakan dengan panjang lebar dalam autobiografinya yang berjudul Hasn al-Muhadarah.<sup>15</sup> Beliau juga mencerita mengenai dirinya dengan menyatakan tarikh kelahiran beliau pada hari Ahad awal bulan Rejab pada tahun 849 H. Beliau hidup sebagai anak yatim dan mula mempelajari ilmu agama dengan mempelajari al-Quran, fiqh, usul fiqh, nahu Arab dan berbangga kerana menguasai tujuh bidang ilmu iaitu (1) hadith, (2) fiqh, (3) nahu, (4) maani, (5) tafsir, (6) bayan dan (7) badie. Selain dari itu beliau juga menguasai ilmu-ilmu lain antaranya perubatan dan matematik.<sup>16</sup>

Beliau juga menceritakan keterlibatan beliau mengajar ilmu agama pada tahun 866 H, dan pada tahun 876 H sudah diberi kepercayaan untuk memberi fatwa dalam permasalahan agama. Selain itu, beliau juga menyenaraikan nama dan bilangan karya yang siap ditulis oleh beliau sebanyak 300 buah karya. Boleh dikatakan bahawa Imam al-Sayuti menulis karya dalam semua bidang itu melainkan ilmu mantik setelah beliau

---

<sup>14</sup> Yakut al-Hamawi.

<sup>15</sup> Sayuti

<sup>16</sup> Al-Sadqi al-Imari. 1997. op.cit. h.116.

bersetuju dengan pandangan Ibn Solah yang menyatakan pengajian ilmu mantik itu adalah haram.

Imam al-Sayuti pernah penulis autobiografi beliau dalam dua buah karya. Karya pertama berjudul "al-Tahadduth bi Nikmah Allah". tulisan beliau dalam karya ini lebih ringkas berbanding tulisan beliau dalam karya kedua berjudul "Husn al-Muhadarah". tulisan beliau dalam "al-Tahadduth bi Nikmah Allah" lebih beremosi dan mempertahankan diri berbeza dalam "Husn al-Muhadarah". Beliau berjaya menulis sebuah autobiografi yang lengkap dan menyeluruh serta jelas seperti tulisan-tulisan beliau dalam pelbagai bidang ilmu lain.

## **Kesimpulan**

Dengan melihat kepada lima contoh autobiografi yang dibincangkan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa penulisan biografi dan autobiografi bukanlah hasil dari peniruan sastera daripada budaya asing secara menyeluruh, sebaliknya ia adalah kreativiti para sarjana Islam dengan ciri dan idea asalnya daripada dalam masyarakat Islam sendiri. Tidak dinafikan terdapat pengaruh budaya asing terutama budaya Yunani dan Greek khususnya pada pendekatan penulisan autobiografi oleh ahli falsafah Islam.

Walaupun pada peringkat awal penulisan autobiografi dilihat ringkas, namun ianya telah berkembang dengan baik sehingga penulisan autobiografi yang pernah ditulis dalam sejarah persuratan Islam mencapai tahap kesempurnaan yang mampu menggambarkan kehidupan dan masyarakat dengan jelas dan dipercayai. Dari contoh di atas, penulisan Imam al-Sayuti adalah bukti kepada pencapaian itu dalam kedua-dua karya autobiografinya.

Dalam perbincangan yang lain akan diulas tulisan autobiografi Islam yang lebih matang dan gagah seperti tulisan Ibn Khaldun, Imam al-Ghazali dan beberapa tokoh ulama lain lagi. Secara umumnya penulisan autobiografi Islam diperingkat awal seperti apa yang dinyatakan di atas mempunyai empat ciri berikut;

- i. Bentuk penulisan bersifat penceritaan asal atau biodata peribadi merangkumi asal kelahiran, tempat kelahiran, pengajian semasa kecil dan senarai ilmu yang dipelajari.
- ii. Memberi alasan atau penjelasan terhadap beberapa tujuan atau pendirian penulis dalam sesuatu isu.
- iii. Membuat pengakuan atau menyatakan sokongan ke atas beberapa pendirian atau tindakan tertentu.
- iv. Menulis riwayat hidup ringkas dengan pendekatan emosi agar pembaca bersimpati atau menjadikan diri penulis sebagai contoh.

Dengan perbincangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa perkembangan sastera sejarah dalam Islam adalah hasil daripada budaya dan pemikiran umat Islam sendiri dengan tidak menafikan terdapat sedikit sebanyak pengaruh luar khususnya setelah berlaku gerakan penterjemahan.

Rujukan

- Al-Sadqi al-Imari. 1997. "al-Tarajim wa al-Sitar al-Zatiyyah fi al-Turath al-Arabi al-Islami". Majalah Thurat al-Arabi. Kaherah: Jamiah al-Kaherah.
- Muhammad Abd al-Ghani Hassan. 1969. *al-Tarajim Wa al-Siyar*, Misr: Dar al-Maarif.
- Nabilah Abd al-Munim Daud. 2011. "Fan al-Tarajim fi Tarikh al-Arabi al-Islami". *Majallah al-Turath al-Ilmi al-Arabi*. Markaz Ihya al-Turath al-Ilmi al-Arabi, Jamiah Baghdad. Bil. 4.
- Muhammad Ghanimi Hilal. (1995) "Daur al-Adab al-Muqarin fi Taujih Dirasah al-Adab al-'Arabi al-Muasir". Kaherah: Dar Nahdah Misr.
- Yaqut al-Hamawi. (t.t). Mukjam al-Udaba'. Kaherah: Matbaah Dar al-Makmun. Jilid. 13.
- Jalaluddin al-Sayuti. (t.t). Husn al-Muahadarah fi Akhbar Misr wa al-Kaherah. Kaherah: Matbaah al-Mausuat bi Misr. Jilid.1.
- Muhammad Ibn Zakaria al-Razi. (1939). "al-Sirah al-Fadhilah". Rasail Falsafiah. Kaherah: Kuliah al-Adab, Jamiah Fuad al-Awwal. Juz.1.